

Awasi pilihanraya: Pemerhati Komanwel tiada kepentingan

KUALA LUMPUR 9 Julai — Kerajaan meminta para pemerhati daripada negara-negara Komanwel mengawasi perjalanan pilihanraya umum akan datang kerana orang asing tidak ada kepentingan di negara ini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, sekiranya kerajaan menang atau kalah, kumpulan pemerhati asing itu tidak mempunyai sebarang kepentingan.

"Memanglah ada tuduhan bahawa orang luar itu adalah orang kerajaan. Tetapi lebih baik kita bawa orang luar. Kerajaan pula beri peluang kepada parti lawan sama ada mereka bersetuju atau tidak," kata beliau dalam rancangan 'Isu Semasa' yang disiarkan oleh RTM malam ini.

Tiga ahli panel rancangan itu ialah Pengarah Berita dan Ehwat Semasa RTM, Haji Zahari Saad, Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu, Encik Zainuddin Maidin dan Ketua Pengarang Shin Min Daily News, Encik Cheng Song Huat.

Perdana Menteri berpendapat, yang sebenarnya harus dipersoalkan ialah kewibawaan kumpulan pengesanan pilihanraya yang dibentuk oleh pihak pembangkang.

"Mereka mengangkat diri sendiri untuk mengawasi sama ada perjalanan pilihanraya baik atau tidak. Mereka mengangkat diri masing-masing sebagai hakim dan

pemerhati," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir bertanya, walaupun mereka mempunyai latar belakang tertentu, tetapi apa hak mereka? Kenapa mereka dan tidak orang lain?

Beliau menambah, kumpulan tersebut diketahui umum menjadi penyokong parti lawan. Mereka tidak pernah berkata yang baik terhadap kerajaan.

"Bolehkah orang semacam ini, yang begitu berat sebelah menjadi pemerhati? Kalau pun hendak cari orang dalam negara ini, mestilah orang yang dipilih oleh semua pihak," kata beliau.

Kesal

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan bukan seperti kumpulan pengesanan pilihanraya yang mengangkat diri sendiri dan meminta semua orang bersetuju dan menerima pendapat mereka.

Dato' Sri Dr. Mahathir kesal kerana pihak pembangkang mengenakan beberapa syarat yang antaranya meminta kumpulan pengesanan pilihanraya mereka memerhatikan kumpulan para pemerhati Komanwel.

"Saya tidak faham mengapa mereka hendak itu dan ini. Kita hendak panggil orang untuk memerhati sama ada pilihanraya dijalankan secara tertib, adil ataupun tidak. Itu sahaja," tegas beliau.